PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Ekonomi Malaysia berkembang 5.6% pada suku pertama

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 5.6% pada suku pertama 2015 (S4 2014: 5.7%). Perbelanjaan sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan (9.6%; S4 2014: 8.3%). Ini membantu menyumbang kepada prestasi permintaan dalam negeri yang kukuh, yang mengimbangi sumbangan negatif eksport bersih pada suku itu. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim (quarter-on-quarter seasonally adjusted), ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 1.2% (S4 2014: 1.8%).

Permintaan dalam negeri terus berkembang

Permintaan dalam negeri berkembang 7.9% pada suku pertama 2015 (S4 2014: 5.7%), didorong oleh perbelanjaan sektor swasta.

Aktiviti sektor swasta meningkat 9.6% (S4 2014: 8.3), berikutan pertumbuhan yang berterusan dalam aktiviti penggunaan dan pelaburan. **Penggunaan swasta** berkembang pada kadar yang lebih kukuh sebanyak 8.8% (S4 2014: 7.6%), disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang stabil dan pertumbuhan upah yang lebih tinggi. Tambahan lagi, perbelanjaan isi rumah disokong oleh usaha-usaha bantuan banjir, terutamanya pada bahagian awal suku pertama. Perbelanjaan pengguna yang dipercepat sebelum pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST), terutamanya untuk pengangkutan, makanan dan minuman, dan komunikasi juga menyumbang kepada peningkatan kukuh penggunaan swasta. **Pelaburan swasta** berkembang 11.7% (S4 2014: 11.1%), didorong oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan yang berorientasikan eksport, serta industri perkhidmatan yang berkaitan telekomunikasi dan pengangkutan.

Perbelanjaan sektor awam meningkat 2.5% pada suku pertama (S4 2014: 0.6%), didorong terutamanya oleh pertumbuhan penggunaan awam yang lebih tinggi serta pelaburan awam yang kembali pulih. **Penggunaan awam** meningkat 4.1% (S4 2014: 2.5%), mencerminkan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang lebih tinggi untuk bekalan dan perkhidmatan, dalam keadaan pertumbuhan emolumen yang sederhana. Berikutan peningkatan semula perbelanjaan untuk harta tetap oleh Kerajaan Persekutuan, **pelaburan awam** kembali pulih dan meningkat 0.5% (S4 2014: -1.9%).


Dari segi jumlah pelaburan, **pembentukan modal tetap kasar** berkembang 7.9% (S4 2014: 4.3%), disokong terutamanya oleh perbelanjaan modal dalam sektor swasta.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2014 (%)	2014			2015
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Permintaan Dalam Negeri					
Agregat (tidak termasuk stok)	91.5	7.6	5.7	5.9	7.9
Sektor Swasta	68.5	8.9	8.3	7.9	9.6
Penggunaan	*51.8*	*7.0*	*7.6*	*7.0*	*8.8*
Pelaburan	*16.6*	*14.9*	*11.1*	*11.0*	*11.7*
Sektor Awam	23.0	3.6	0.6	0.4	2.5
Penggunaan	*13.6*	*12.2*	*2.5*	*4.4*	*4.1*
Pelaburan	*9.5*	*-6.3*	*-1.9*	*-4.7*	*0.5*
Eksport Bersih	9.3	8.2	-4.0	12.8	-10.2
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*76.1*	*7.9*	*1.9*	*5.1*	*-0.6*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*66.8*	*7.8*	*2.6*	*4.2*	*1.0*
KDNK	**100.0**	**6.3**	**5.7**	**6.0**	**5.6**
KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.4**	**1.8**	**-**	**1.2**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PMTK Mengikut Jenis Aset



* Aset lain termasuk cari gali mineral, penyelidikan & pembangunan, dsb


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Komposisi Menyeluruh Pelaburan Swasta di Malaysia

Pelaburan swasta di Malaysia adalah menyeluruh merentas ekonomi

Sejak tahun 2010, pelaburan swasta di Malaysia telah mencatat kadar pertumbuhan purata dua digit yang kukuh. Aktiviti pelaburan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan menjadi pemacu utama prestasi yang mantap, dan mencakupi lebih 75% daripada pelaburan swasta (Rajah 1). Sektor perlombongan turut memberikan sumbangan yang nyata kepada pertumbuhan pelaburan, khususnya pada tahun 2012, berikutan pelaksanaan serentak beberapa projek minyak dan gas utama di bawah Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Programme, ETP) (Rajah 2).


Rajah 1:
Bahagian Pelaburan Swasta Mengikut Sektor (2014[a])



[a] Anggaran

Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 2:
Sumbangan kepada Pertumbuhan Pelaburan Swasta (2011-2014[a])



[a] Anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Anggaran Bank Negara Malaysia

Nota: Angka adalah berdasarkan tahun malar 2005. Angka yang dikemaskini berdasarkan tahun malar 2010 akan diterbitkan pada separuh kedua tahun 2015

Jadual 1: Aktiviti pelaburan swasta terkini di Malaysia (2010-2014)


Sektor	Aktiviti pelaburan utama
Perkhidmatan	**Pelancongan dan runcit:** Taman tema, hotel dan pusat beli-belah **Pengangkutan dan penyimpanan:** Kemudahan logistik, kemudahan penyimpanan minyak **Penjagaan kesihatan:** Hospital baharu, menaik taraf peralatan perubatan **Telekomunikasi:** Pelancaran infrastruktur 3G / HSDPA / 4G LTE berkelajuan tinggi
Perkilangan	**Petrokimia:** Kilang penapisan minyak dan kilang kimia **Elektrik & elektronik:** Solar, separa konduktor, peranti perubatan **Automotif:** Kilang kenderaan cekap tenaga **Aeronautik:** Reka bentuk kapal terbang, komponen kapal terbang
Perlombongan	Penerokaan laut dalam, perolehan minyak lebih tinggi (enhanced oil recovery, EOR) dan medan minyak selingan
Pembinaan	Pelaburan dalam mesin dan peralatan pembinaan untuk membina struktur
Pertanian	Penanaman semula dan penanaman baharu pokok kelapa sawit dan getah yang baharu, menaiktaraf mesin dan peralatan

Pelaburan pada masa hadapan akan kekal berdaya tahan dalam keadaan harga minyak lebih rendah, didorong oleh sektor perkilangan dan perkhidmatan

Aktiviti pelaburan, terutamanya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, dijangka kekal kukuh seperti dicerminkan oleh bilangan tertinggi kelulusan pelaburan direkodkan, yang dilaporkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Malaysian Investment Development Authority, MIDA) (Rajah 3). Pelaburan dalam sektor perkilangan akan disokong oleh perbelanjaan modal dalam industri berorientasikan eksport dan bidang pertumbuhan baharu, seperti tenaga boleh dibaharui (contohnya solar dan kenderaan cekap tenaga), separa konduktor dan peranti perubatan. Dalam sektor perkhidmatan, perbelanjaan akan disalurkan ke dalam aktiviti nilai tambah lebih tinggi, seperti perkhidmatan IT (misalnya pengkomputeran awan (cloud computing)), pendidikan dan pelancongan perubatan.


Pelaburan oleh perniagaan baharu dan sedia ada di Malaysia (Rajah 4) dan pelaksanaan projek yang mengambil masa yang panjang (Jadual 2) akan turut menyokong pertumbuhan pelaburan pada tahun 2015-2016.

Rajah 3:
Jumlah Kelulusan Pelaburan oleh MIDA



Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

Rajah 4:
Kelulusan Pelaburan Perkilangan Mengikut Tujuan oleh MIDA



Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

Jadual 2: Projek Jangka Masa Panjang Terpilih

Projects	Penerangan	Garis Masa
Bukit Bintang City Centre	Pembangunan bercampur harta tanah kediaman dan komersial	2015-2024
Infineon Technologies	Pusat Kompetensi untuk Megatrend Technologies di Kulim dan pengembangan Pusat Pembagunan di Melaka	2014-2024
Seagate	Kilang baharu untuk pemacu cakera keras dan penyelesaian penyimpanan	2014-2019
Dialog-Vopak (Fasa 2)	Penyimpanan dan terminal minyak dan gas	2014-2018
Pengubahsuaian Genting	Taman tema baharu dan pengubahsuaian hotel	2013-2016

Sumber: Laporan berita

Di samping itu, insentif yang diumumkan oleh Kerajaan pada bulan April 2015 untuk menggalakkan pelaburan dalam automasi dan aktiviti hab utama juga dijangka menambah perbelanjaan modal dan menarik lebih banyak syarikat untuk menubuhkan pangkalan global atau serantau mereka di Malaysia.

Mengikut jenis aset, pelaburan untuk struktur berkembang 9.9% (S4 2014: 10.4%), manakala pelaburan untuk jentera dan kelengkapan kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif sebanyak 5.8% (S4 2014: -0.8%).

Pertumbuhan berterusan dalam sektor ekonomi utama

Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh sektor ekonomi utama pada suku pertama. Sektor perkhidmatan disokong oleh pertumbuhan dalam semua subsektor, khususnya subsektor berkaitan penggunaan. Pertumbuhan sektor perkilangan disokong oleh industri berorientasikan eksport yang mencatat prestasi lebih kukuh, khususnya kelompok elektronik dan barangan elektrik. Sektor pembinaan disokong terutamanya oleh subsektor bukan kediaman dan kediaman, manakala sektor perlombongan terus mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh berikutan pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi. Sementara itu, sektor pertanian merosot akibat pengeluaran minyak sawit yang lebih rendah.

Sektor perkhidmatan meningkat 6.4% pada suku pertama (S4 2014: 6.6%), mendapat manfaat daripada permintaan dalam negeri yang lebih tinggi. Subsektor perdagangan borong dan runcit mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 9.8% (S4 2014: 9.4%), sejajar dengan peningkatan perbelanjaan isi rumah sebelum pelaksanaan GST. Pertumbuhan subsektor maklumat dan komunikasi terus teguh (9.6%; S4 2014: 9.7%), didorong terutamanya oleh permintaan yang kukuh terhadap perkhidmatan komunikasi data, berikutan meningkatnya penggunaan peranti mudah alih, terutamanya telefon pintar. Subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan berkembang 7.6% (S4 2014: 8.3%), disokong terutamanya oleh segmen perkhidmatan perniagaan. Subsektor pengangkutan dan penyimpanan mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana sebanyak 5.7% (S4 2014: 6.0%) sejajar dengan aktiviti berkaitan perdagangan yang lebih perlahan. Subsektor kewangan dan insurans berkembang 1.9% (S4 2014: 2.4%), disokong oleh permintaan berterusan untuk produk perkhidmatan kewangan.

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2014 (%)	2014			2015
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Pertanian	9.2	2.6	-3.7	2.1	-4.7
Perlombongan	9.0	-0.1	9.5	3.3	9.6
Perkilangan	23.0	7.0	5.4	6.2	5.6
Pembinaan	4.3	19.3	8.8	11.8	9.7
Perkhidmatan	53.5	6.7	6.6	6.5	6.4
KDNK Benar	**100.0**[1]	**6.3**	**5.7**	**6.0**	**5.6**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.4**	**1.8**	**-**	**1.2**

[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2014 (%)	2014			2015
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Perkhidmatan Pengantara	**38.4**	**6.1**	**6.1**	**5.9**	**5.7**
Kewangan & insurans	13.7	2.7	2.4	2.3	1.9
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	7.9	8.2	8.3	8.0	7.6
Pengangkutan & penyimpanan	6.5	4.8	6.0	5.2	5.7
Maklumat & komunikasi	10.2	10.1	9.7	9.7	9.6
Perkhidmatan Akhir	**61.6**	**7.2**	**6.9**	**7.0**	**6.8**
Perdagangan borong & runcit	26.9	8.5	9.4	8.9	9.8
Makanan & minuman dan penginapan	5.1	6.3	7.5	6.5	7.3
Utiliti	4.8	3.2	3.9	3.8	3.7
Perkhidmatan Kerajaan	16.5	7.6	4.7	6.1	3.9
Perkhidmatan lain	8.2	5.3	4.7	4.8	4.6
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**[1]	**6.7**	**6.6**	**6.5**	**6.4**

[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1
	Indeks			
Indeks Sentimen Pengguna MIER	96.8	83.0	94.5	72.6
Indeks Perdagangan Runcit MIER	86.3	92.9	99.7	85.4
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	115.8	107.6	108.8	100.7
	Perubahan tahunan (%)			
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	4.8	2.7	2.7	3.5
Jumlah pinjaman terkumpul	10.2	9.3	9.3	9.2
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	6.4	7.5	7.5	9.4
Import barangan penggunaan	15.6	2.9	5.7	4.4
Jumlah jualan kenderaan bermotor	1.4	3.8	1.6	5.3
Kargo kontena yang dikendalikan (Pelabuhan Klang dan PTP)	3.7	12.8	8.3	13.1

Sumber: Pelbagai sumber

Prestasi Sektor Perkilangan

	Bahagian 2014 (%)	2014			2015
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah Keseluruhan (pada harga malar tahun 2010)	**100.0**	**7.0**	**5.4**	**6.2**	**5.6**
Industri berorientasikan eksport	63.6	7.4	6.8	5.9	7.0
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	36.4	6.3	3.1	6.9	2.8
Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]	**100.0**	**6.9**	**5.0**	**6.1**	**5.6**
Industri berorientasikan eksport	**74.9**	**6.6**	**5.4**	**5.4**	**6.3**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**24.2**	**14.6**	**10.2**	**12.1**	**11.3**
Antaranya:					
Elektronik	15.3	19.1	6.0	10.6	-0.2
Keluaran elektrik	8.9	5.4	19.7	15.4	36.9
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**50.7**	**3.0**	**2.9**	**2.1**	**3.8**
Antaranya:					
Kimia dan keluaran kimia	14.3	1.1	7.9	3.6	9.9
Keluaran petroleum	21.1	6.5	1.8	0.6	2.1
Keluaran getah	2.5	1.3	-0.8	-1.3	-1.3
Pemprosesan di luar estet	4.5	0.8	-9.0	1.5	-12.2
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**25.1**	**7.8**	**3.9**	**7.9**	**3.8**
Kelompok berkaitan pembinaan	**11.3**	**3.2**	**3.6**	**4.3**	**6.9**
Antaranya:					
Keluaran berkaitan pembinaan	8.2	1.2	5.3	5.1	8.1
Keluaran logam yang direka	3.1	6.9	0.6	2.8	4.7
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**13.8**	**11.8**	**4.2**	**10.9**	**1.4**
Antaranya:					
Kelengkapan pengangkutan	5.5	19.0	1.1	14.4	9.2
Makanan, minuman & keluaran tembakau	7.3	5.7	8.3	8.9	-4.6

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkilangan mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 5.6% pada suku pertama (S4 2014: 5.4%), disokong oleh industri berorientasikan eksport yang mencatat prestasi lebih kukuh, khususnya kelompok elektronik dan keluaran elektrik (E&E). Ini lebih daripada mengimbangi pertumbuhan yang sederhana sedikit dalam industri berorientasikan dalam negeri.

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan sektor perkilangan menurun sedikit kepada 78.4% pada suku pertama (S4 2014: 79.8%) dalam keadaan penggunaan kapasiti yang lebih rendah dalam industri berorientasikan eksport (80%, S4 2014: 83%). Walau bagaimanapun, industri berorientasikan dalam negeri mencatat kadar penggunaan kapasiti lebih tinggi pada 74% (S4 2014: 73%).

Semakan Tahun Asas bagi KDNK Malaysia daripada Harga bagi Tahun Asas 2005 kepada Tahun Asas 2010

Bermula suku pertama 2015, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia pada harga malar telah disemak daripada harga tahun asas 2005 kepada harga tahun asas 2010. Semakan tahun asas oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (Department of Statistics, Malaysia, DOSM) ini juga mencerminkan penambahbaikan dalam sumber dan liputan data, serta penggunaan garis panduan antarabangsa yang terkini berkaitan penyusunan statistik[1]. Penambahbaikan ini akan meningkatkan lagi kualiti dan kebolehbandingan statistik KDNK Malaysia, dan akan memastikan bahawa statistik ini lebih mencerminkan struktur semasa ekonomi Malaysia.

Tujuan Semakan Tahun Asas

Amalan menyemak tahun asas KDNK merupakan satu amalan yang standard oleh agensi-agensi perangkaan di seluruh dunia. Negara-negara lain termasuk kawasan euro, Korea Selatan, Singapura, RR China dan Indonesia juga menggunakan tahun 2010 sebagai tahun asas pada masa ini. Secara amnya, terdapat tiga dorongan utama kepada penambahbaikan dan semakan tahun asas KDNK iaitu:

a) *Mencerminkan perkembangan ekonomi terkini*
Semakan tahun asas KDNK ini adalah perlu bagi memastikan statistik akaun negara mencerminkan struktur ekonomi dan harga relatif yang terkini dalam ekonomi. Dengan menggunakan harga malar pada tahun asas, perubahan KDNK pada harga malar (KDNK benar) akan mencerminkan hanya perubahan dalam jumlah kegiatan ekonomi sahaja. Walau bagaimanapun, harga relatif barangan dan perkhidmatan berubah dari semasa ke semasa disebabkan oleh keadaan permintaan yang berubah-ubah. Ini menyebabkan pengagihan sumber dan pengeluaran yang lebih besar kepada sektor ekonomi tertentu berbanding dengan sektor ekonomi lain. Oleh itu, wajaran relatif bagi harga tahun asas yang lama tidak lagi mencerminkan dengan tepat struktur semasa bagi sesebuah ekonomi. Ini memerlukan perubahan dalam tahun asas supaya harga rujukan dapat mencerminkan dengan lebih tepat perkembangan ekonomi terkini.

b) *Memasukkan penambahbaikan metodologi dan pengelasan semula industri*
Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti dan kebolehbandingan statistik KDNK Malaysia, langkah semakan tahun asas ini memasukkan penambahbaikan dalam konsep dan metodologi, serta pengelasan semula industri yang terkini dalam penyusunan statistik.
   i. Terdapat dua perubahan utama dalam konsep dan metodologi yang dilaksanakan. Pertama, metodologi yang lebih terkini akan digunakan bagi barangan untuk diproses (goods for processing, GFP)[2] (lihat rencana kecil mengenai “Barangan untuk Diproses dalam Statistik Imbangan Pembayaran Malaysia”). Kedua, penyusutan nilai aset awam kini akan berasaskan Kaedah Inventori Berterusan (Perpetual Inventory Method) seperti yang disarankan oleh Sistem Akaun Negara.

---

[1] Sistem Akaun Negara 2008 (System of National Accounts, SNA 2008) dan Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa, IMF (Balance of Payments and International Investment Position Manual, IMF, Sixth Edition, BPM6).

[2] GFP adalah barangan untuk diproses oleh entiti yang tidak memiliki barangan tersebut, dan dengan itu, GFP tidak melibatkan pindah milik.

ii. Dari segi pengelasan semula industri, subsektor terpilih dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan perlombongan telah diklasifikasikan semula mengikut Klasifikasi Standard Perindustrian Malaysia (Malaysia Standard Industrial Classifications, MSIC 2008) yang terkini.

c) *Menyelaras data daripada pelbagai bancian, kaji selidik dan sumber*
Dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti dan liputan statistik akaun negara Malaysia, semakan tahun asas ini menyelaras data terkini daripada pelbagai bancian, kaji selidik dan sumber data. Jabatan Perangkaan Malaysia telah menggunakan pelbagai bancian dan kaji selidik yang terperinci sejak tahun 2010 (termasuk Banci Ekonomi 2011, Jadual Penawaran & Penggunaan 2010, Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2009/10 dan 2014, Banci Perdagangan Edaran 2014 dan indeks-indeks lain seperti Indeks Harga Pengguna, Indeks Harga Pengeluaran dan Indeks Pengeluaran Perindustrian yang berasaskan harga tahun 2010). Selain itu, maklumat dan data berkaitan industri yang lebih menyeluruh telah diperoleh daripada agensi awam yang lain seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Kementerian Pertanian Malaysia.

Implikasi terhadap Data KDNK

Berikutan penyelarasan maklumat baharu yang diperoleh daripada kaji selidik yang lebih terkini dan penambahbaikan metodologi, KDNK nominal Malaysia pada tahun 2010 meningkat daripada RM797 bilion kepada RM821 bilion (+3.0%). Peningkatan KDNK nominal selepas semakan tahun asas ini adalah sederhana dan setara dengan semakan yang dibuat oleh negara-negara lain (Jadual 1). Sementara itu, KDNK nominal bagi tahun 2014 meningkat daripada RM1,070 bilion kepada RM1,107 bilion (+3.4%).

Jadual 1: KDNK Nominal untuk Negara Terpilih (pada tahun perubahan asas)

Negara	KDNK Nominal Sebelum Perubahan Tahun Asas	KDNK Nominal Selepas Perubahan Tahun Asas	Semakan (%)
Korea Selatan (bil won, 2010)	**1,173,275** (2005=100)	**1,265,308** (2010=100)	**7.8**
Belanda (juta euro, 2010)	**586,789** (2005=100)	**631,512** (2010=100)	**7.6**
Filipina (bil PHP, 2000)	**3,355** (1985=100)	**3,581** (2000=100)	**6.7**
Malaysia (juta RM, 2010)	**797,327** (2005=100)	**821,434** (2010=100)	**3.0**
Singapura (bil $S, 2010)	**318** (2005=100)	**322** (2010=100)	**1.3**
RR China (100 juta yuan, 2010)	**401,202** (2005=100)	**401,513** (2010=100)	**0.1**
India (rupee crores, 2011/12)	**9,009,722** (2004-05=100)	**8,832,012** (2011-12=100)	**-2.0**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi penawaran, aktiviti ekonomi masih dipacu oleh sektor perkhidmatan dan perkilangan, yang mencakupi kira-kira tiga perempat daripada KDNK. Sumbangan sektor komoditi (pertanian dan perlombongan) yang meningkat mencerminkan harga komoditi yang secara relatif lebih tinggi daripada harga bukan komoditi pada tahun 2010 berbanding dengan tahun 2005 (Jadual 2). Secara keseluruhan, kadar pertumbuhan semua sektor secara amnya tidak berubah.

Jadual 2: KDNK Benar Mengikut Aktiviti Ekonomi

	Bahagian daripada KDNK 2014 (%)[1]		Pertumbuhan KDNK 2014 (%)	
	Harga 2005	Harga 2010	Harga 2005	Harga 2010
Perkhidmatan	55.3	53.5	6.3	6.5
Perkilangan	24.6	23.0	6.2	6.2
Pertanian	6.9	9.2	2.6	2.1
Perlombongan dan Kuari	7.9	9.0	3.1	3.3
Pembinaan	3.9	4.3	11.6	11.8
KDNK Keseluruhan	**100.0**	**100.0**	**6.0**	**6.0**

[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi permintaan, bahagian komponen-komponen utama secara amnya tidak berubah. Permintaan dalam negeri, khususnya perbelanjaan sektor swasta, kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi Malaysia (Jadual 3). Selain itu, peningkatan bahagian eksport bersih disebabkan oleh harga komoditi yang lebih tinggi pada tahun 2010 berbanding dengan tahun 2005[3]. Sementara itu, kadar pertumbuhan komponen-komponen utama secara relatifnya tidak berubah, kecuali untuk kadar pertumbuhan eksport bersih akibat daripada harga tahun asas baharu dan mengambil kira barangan untuk diproses (GFP).

Jadual 3: KDNK Benar Mengikut Perbelanjaan

	Bahagian daripada KDNK 2014 (%)[2]		Pertumbuhan KDNK 2014 (%)	
	Harga 2005	Harga 2010	Harga 2005	Harga 2010
Permintaan dalam negeri agregat	**93.1**	**91.5**	**6.0**	**5.9**
Sektor swasta	**70.0**	**68.5**	**8.0**	**7.9**
Penggunaan	52.5	51.8	7.1	7.0
Pelaburan	17.5	16.6	11.0	11.0
Sektor awam	**23.0**	**23.0**	**0.2**	**0.4**
Penggunaan	13.2	13.6	4.4	4.4
Pelaburan	9.8	9.5	-4.9	-4.7
Eksport bersih barangan dan perkhidmatan	**8.0**	**9.3**	**19.7**	**12.8**
Eksport barangan dan perkhidmatan	88.8	76.1	5.1	5.1
Import barangan dan perkhidmatan	80.8	66.8	3.9	4.2
KDNK Keseluruhan	**100.0**	**100.0**	**6.0**	**6.0**

[2] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan tidak termasuk perubahan dalam komponen inventori dan barangan berharga

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

[3] Kedua-dua eksport dan import barangan dan perkhidmatan mencatat bahagian yang lebih rendah disebabkan oleh olahan baharu bagi barangan untuk diproses (GFP).

Kesimpulan

Anggaran KDNK Malaysia telah ditambah baik dan ditanda aras kepada tahun asas 2010 bagi mencerminkan perubahan terkini dalam struktur ekonomi dan harga relatif dalam ekonomi. Langkah ini mencerminkan tiga penambahbaikan utama:

(i) Penggunaan harga tahun 2010 dalam anggaran KDNK pada harga malar untuk lebih mencerminkan harga relatif semasa dalam ekonomi;
(ii) Penambahbaikan metodologi dan pengelasan semula industri dalam penyusunan statistik; dan
(iii) Liputan yang lebih meluas dan penambahbaikan selanjutnya bagi pelbagai sumber data, bancian dan kaji selidik.


Berikutan semakan tahun asas ini, semakan menaik KDNK nominal Malaysia adalah sederhana, dan secara umumnya, selaras dengan pengalaman negara-negara lain yang telah melaksanakan langkah semakan tahun asas baru-baru ini. Semakan ini mempunyai impak yang minimum terhadap angka pertumbuhan bagi Malaysia secara keseluruhan, sekali gus menunjukkan bahawa asas-asas momentum pertumbuhan ekonomi negara kekal tidak berubah.

Rencana Berkaitan Statistik bagi Barangan untuk Diproses (GFP) dalam Imbangan Pembayaran Malaysia

Barangan untuk Diproses (Good for Processing, GFP) ialah barangan yang dihantar oleh pemiliknya kepada pemproses di luar negara untuk diproses dan kemudiannya dikembalikan kepada pemiliknya atau dieksport kepada pihak ketiga, tanpa berlaku perubahan dalam hak milik barangan itu. Sepanjang proses itu, entiti yang memproses tidak memiliki sama ada input yang diimport atau barangan yang diproses itu. Entiti yang memproses hanya menerima fi pemprosesan daripada pemilik barangan bagi menyediakan perkhidmatan pemprosesan. Kaji selidik oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (Department of Statistics, Malaysia, DOSM) mendapati bahawa Malaysia terutamanya ialah negara pemproses GFP.

Pada masa lalu, GFP diambil kira sebagai urus niaga eksport dan import antara pemastautin dengan bukan pemastautin dalam akaun barangan, tanpa mengambil kira status hak milik. Dengan meningkatnya rangkaian pengeluaran global, pengolahan statistik bagi GFP ini telah menyebabkan lonjakan besar dalam statistik perdagangan antarabangsa. Bagi menangani isu itu, Sistem Akaun Negara 2008 (System of National Account, SNA 2008) dan Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (Balance of Payments and International Investment Position Manual, Sixth Edition, BPM6)[4] telah menyarankan supaya GFP dikeluarkan daripada akaun barangan, dan hanya memasukkan fi pemprosesan ke dalam akaun perkhidmatan (Rajah 1).

Rajah 1:
Ilustrasi GFP dan olahan konsep GFP dalam statistik imbangan pembayaran (BOP)



[4] Untuk maklumat lanjut berkaitan peralihan Malaysia kepada BPM6, sila rujuk rencana bertajuk "Imbangan Pembayaran (BOP) Malaysia - Penyusunan Statistik BOP Selaras dengan Edisi Keenam Manual Pelaburan Antarabangsa Tabung Kewangan Antarabangsa (BPM6)", yang disiarkan dalam Buletin Suku Tahunan BNM, Suku Pertama 2013.

Pada dasarnya, olahan semula ini tidak akan memberikan sebarang kesan kepada statistik KDNK dan BOP, kerana langkah ini hanya melibatkan pengelasan semula urus niaga barangan kepada urus niaga perkhidmatan. Walau bagaimanapun, pada hakikatnya, kompleksiti urus niaga perdagangan antarabangsa bermakna bahawa kesan perubahan ini tidak diimbangi sepenuhnya disebabkan fi perkhidmatan termasuk juga kos-kos lain, seperti keuntungan/kerugian pemegangan dan overhed, yang tidak berkaitkan dengan entiti pemprosesan.

Dalam kes Malaysia, jumlah GFP yang dikeluarkan daripada akaun barangan adalah lebih tinggi daripada fi perkhidmatan yang dimasukkan ke dalam akaun perkhidmatan BOP. Kesan bersihnya ialah imbangan akaun barangan dan perkhidmatan bersih yang lebih rendah dalam KDNK. Oleh itu, imbangan akaun semasa juga menjadi lebih rendah (Jadual 1).

Jadual 1: Imbangan Akaun Semasa di Malaysia 2014

RM bilion	Sebelum GFP diambil kira	Selepas GFP diambil kira	Perbezaan
Imbangan barangan	125.1	113.4	-11.7
Imbangan perkhidmatan	-20.5	-11.2	9.4
Barangan dan perkhidmatan	104.5	102.2	-2.3*
Pendapatan utama	-37.4	-37.3	0.1
Pendapatan sekunder	-17.6	-17.6	-
Imbangan Akaun Semasa	49.5	47.3	-2.2*


* Perbezaan antara imbangan akaun semasa dengan imbangan akaun barangan dan perkhidmatan adalah berbeza memandangkan semakan statistik yang dibuat bagi data akaun pendapatan utama, yang memberikan kesan kepada imbangan akaun semasa keseluruhan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rujukan

Tabung Kewangan Antarabangsa 2011. “Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (Edisi Keenam)”

Kadar Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan*



* Mulai 2012, kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2006 kepada nilai tambah tahun 2009

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor pembinaan berkembang 9.7% pada suku pertama (S4 2014: 8.8%), disokong oleh peningkatan subsektor bukan kediaman dan kediaman. Peningkatan subsektor bukan kediaman didorong oleh aktiviti pembinaan bangunan industri dan komersial. Pertumbuhan dalam subsektor kediaman terus disokong oleh pembinaan harta tanah dalam pasaran umum serta pasaran mewah. Subsektor pertukangan khas terus berkembang, mencerminkan aktiviti yang berterusan bagi pemasangan cerucuk, kerja tanah, pemasangan elektrik dan sistem, serta kerja penyiapan bangunan dan kemasan akhir. Pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam bertambah baik, disokong oleh projek infrastruktur yang besar dalam segmen utiliti dan pengangkutan.

Sektor pertanian terus merosot 4.7% (S4 2014: -3.7%) dalam keadaan pengeluaran minyak sawit yang terus lebih rendah akibat banjir di negeri-negeri timur Semenanjung Malaysia. Sementara itu, **sektor perlombongan** terus berkembang 9.6% (S4 2014: 9.5%) disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih kukuh (690,000 tong sehari], iaitu paras tertinggi sejak S3 2008. Ini didorong oleh pengeluaran yang meningkat dari medan minyak baharu Gumusut Kakap di luar pesisir Sabah.

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2014			2015
	S1	S4	Tahun	S1
	Perubahan tahunan (%)			
Nilai kerja pembinaan yang siap	21.1	9.7	12.8	15.1
Kediaman	33.1	18.3	22.2	19.5
Bukan kediaman	19.9	23.5	17.1	24.3
Kejuruteraan awam	10.5	-8.0	1.2	4.2
Pertukangan khas[1]	49.3	7.7	16.7	4.2
Kelulusan perumahan	-8.9	8.0	4.2	2.2[3]
Pengeluaran[2] bahan berkaitan pembinaan	3.2	3.6	4.3	6.9
Simen hidraulik	1.3	9.9	6.6	20.2
Bahan lain daripada artikel konkrit, simen dan plaster t.t.t.l	36.9	27.3	32.8	20.9
Produk porselin dan seramik lain	15.2	29.6	20.9	31.2
Komponen struktur pasang siap untuk bangunan atau kejuruteraan awam daripada simen, konkrit atau batu buatan	2.6	-13.3	-3.8	-13.3
Import barangan modal (tidak termasuk barangan besar)	-3.3	8.1	1.2	11.0
Pinjaman untuk sektor pembinaan				
Kelulusan	-32.8	24.9	0.3	21.4
Pengeluaran	23.3	17.8	12.7	3.2

[1] Kerja-kerja seperti penyediaan tapak, pemasangan elektrik dan mengecat
[2] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)
[3] Jan 2015

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Bank Negara Malaysia

Prestasi Sektor Pertanian

	Bahagian 2014 (%)	2014			2015
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2010)	**9.2**	**2.6**	**-3.7**	**2.1**	**-4.7**
Tanaman Industri	**5.8**	**0.6**	**-8.4**	**0.1**	**-11.0**
Antaranya:					
Kelapa Sawit	4.4	2.9	-8.0	2.4	-11.7
Getah	0.6	-11.1	-25.5	-19.2	5.0
Tanaman Makanan	**3.4**	**7.4**	**6.5**	**1.5**	**4.0**
Antaranya:					
Perikanan	0.8	3.7	2.2	2.1	4.4
Ternakan	1.0	8.5	8.8	7.9	4.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	Bahagian 2014 (%)	2014			2015
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Nilai ditambah (pada harga malar tahun 2010)	**9.0**	**-0.1**	**9.5**	**3.3**	**9.6**
Pengeluaran					
antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat	-	-3.6	16.2	4.3	20.4
Gas asli	-	2.2	3.1	1.6	-1.2
Perlombongan lain dan perkhidmatan sokongan	-	10.8	9.3	9.0	11.3

Sumber:Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi yang lebih rendah pada suku pertama

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), mencatat kadar purata yang jauh lebih rendah pada 0.7% pada suku pertama 2015 (S4 2014: 2.8%). Inflasi yang lebih rendah ini disebabkan terutamanya oleh penurunan harga bagi kategori *pengangkutan* (S1 2015 -7.6%; S4 2014: 4.8%), berikutan semakan ke bawah harga bahan api dalam negeri pada bulan Januari dan Februari, dalam keadaan harga minyak global yang lebih rendah. Inflasi bagi kategori *perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain* juga menurun pada suku pertama (S1 2015: 2.1%; S4 2014: 3.4%) disebabkan luputnya kesan kenaikan tarif elektrik pada bulan Januari 2014, dan juga penurunan tarif elektrik pada bulan Mac 2015.


Indeks Harga Pengeluar (IHPR) juga merosot pada kadar tahunan sebanyak 5.4% pada suku pertama (S4 2014: -2.3%) didorong terutamanya oleh harga yang lebih rendah bagi kategori *bahan api galian dan pelincir* serta *bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan* berikutan penurunan harga minyak global. Sejajar dengan itu, harga komponen berkaitan komoditi menurun 16.6% (S4 2014: -8.8%). Harga komponen bukan berkaitan komoditi pula meningkat pada kadar yang secara relatif stabil sebanyak 1.1% pada suku pertama (S4 2014: 1.4%).

Keadaan pasaran pekerja stabil

Keadaan pasaran pekerja kekal stabil pada suku pertama[3], sejajar dengan pertumbuhan yang berterusan merentas sektor ekonomi utama. Kadar penyertaan pasaran pekerja kekal tinggi pada 67.7% (S4 2014: 67.6%), dan kadar pengangguran kekal rendah pada 3.1% (S4 2014: 2.8%). Pemberhentian pekerja yang dilaporkan oleh Kementerian Sumber Manusia menjadi sederhana kepada 2,789 orang (S4 2014: 2,915 orang). Pada suku pertama, guna tenaga disokong oleh pewujudan peluang pekerjaan dalam sektor perkilangan, pembinaan, dan perkhidmatan.

Pertumbuhan upah bertambah baik pada suku pertama. Keadaan ini dicerminkan oleh pertumbuhan agregat upah benar sektor perkilangan (5.3%; S4 2014: 0.4%), yang disokong oleh pertumbuhan upah industri berorientasikan eksport.

Petunjuk Pasaran kerja



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Harga Pengguna

Kategori	Wajaran (%) (2010=100)	S4 2014	S1 2015
		Pertumbuhan tahunan, %	
Jumlah	**100.0**	**2.8**	**0.7**
Makanan dan minuman bukan beralkohol	30.3	2.7	2.5
Perumahan, air,elektrik, gas dan bahan api lain	22.6	3.4	2.1
Pengangkutan	14.9	4.8	-7.6
Lain-lain	32.2	1.5	1.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

[3]Berdasarkan data awal

Kedudukan luaran kekal kukuh pada suku pertama

Lebihan akaun semasa meningkat kepada RM10.0 bilion pada suku pertama, bersamaan dengan 3.7% daripada PNK (S4 2014: RM 5.7 bilion atau 2.1% daripada PNK). Lebihan akaun semasa yang lebih tinggi disebabkan oleh lebihan akaun barangan, dalam keadaan defisit akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan yang lebih rendah.

Lebihan perdagangan berjumlah RM21.3 bilion pada suku pertama 2015 (S4 2014: RM21.5 bilion). Eksport kasar menguncup 2.5% (S4 2014: +0.5%), mencerminkan terutamanya kemerosotan pertumbuhan eksport komoditi dan eksport perkilangan berasaskan sumber, berikutan harga komoditi yang lebih rendah. Import kasar menurun untuk mencatat pertumbuhan kecil sebanyak 0.2% (S4 2014: +4.6) berikutan peningkatan import barangan pengantara yang lebih perlahan dan penguncupan import untuk dieksport semula.

Pertumbuhan eksport perkilangan menjadi sederhana disebabkan terutamanya oleh penguncupan selanjutnya dalam eksport bukan E&E. Penguncupan eksport bukan E&E sebahagian besarnya disebabkan oleh eksport produk berasaskan sumber yang merosot, khususnya produk petroleum. Sementara itu, pertumbuhan eksport E&E disokong oleh permintaan yang berterusan terhadap separa konduktor, manakala pertumbuhan eksport produk bukan berasaskan sumber disokong oleh permintaan yang berterusan terhadap jentera dan peralatan serta peralatan optikal dan saintifik.

Penguncupan eksport komoditi disebabkan oleh harga dan permintaan yang lebih rendah terhadap minyak sawit mentah dan getah. Sementara harga minyak mentah dan LNG yang lebih rendah juga memberikan kesan terhadap eksport komoditi pada suku pertama, kesan ini diimbangi sebahagiannya oleh kuantiti eksport komoditi-komoditi ini yang lebih tinggi. Dari segi destinasi, eksport ke AS terus mencatat pertumbuhan dua angka berikutan ekonomi AS yang bertambah baik. Dari segi destinasi, eksport ke rantau ini merosot, mencerminkan terutamanya eksport yang lebih rendah ke RR China, Korea, China Taipei dan ekonomi ASEAN pada suku itu.

Pertumbuhan import kasar menjadi sederhana pada suku pertama 2015, mencerminkan pengembangan lebih perlahan import barangan pengantara dan juga penguncupan import untuk dieksport semula. Import barangan pengantara meningkat sedikit dalam keadaan aktiviti perkilangan yang lebih perlahan. Sementara

Imbangan Pembayaran[1]

	2014			2015
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Akaun Semasa	**19.5**	**5.7**	**47.3**	**10.0**
(% daripada PNK)	*7.5*	*2.1*	*4.4*	*3.7*
Barangan	31.2	29.4	113.4	27.5
Perkhidmatan	-0.5	-5.5	-11.2	-3.8
Pendapatan primer	-6.6	-13.2	-37.3	-8.5
Pendapatan sekunder	-4.6	-5.0	-17.6	-5.3
Akaun Kewangan	**-38.2**	**-26.6**	**-81.6**	**-29.7**
Pelaburan langsung	-14.4	-2.5	-18.5	-1.2
Aset	*-20.6*	*-9.9*	*-53.1*	*-9.8*
Liabiliti	*6.1*	*7.5*	*34.6*	*8.6*
Pelaburan portfolio	-14.2	-20.3	-38.5	-7.9
Aset	*-7.6*	*0.3*	*-28.1*	*-7.4*
Liabiliti	*-6.6*	*-20.6*	*-10.4*	*-0.5*
Derivatif kewangan	-1.5	0.2	-1.0	0.0
Pelaburan lain	-8.1	-4.0	-23.6	-20.6
Kesilapan dan ketinggalan[2]	1.4	9.1	-2.5	4.0
Imbangan Keseluruhan	**-17.3**	**-11.5**	**-36.5**	**-15.7**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa yang belum direalisasikan hasil daripada penilaian semula pertukaran asing

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perdagangan

	Bahagian 2014 (%)	2014			2015
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Eksport Kasar	**100.0**	**10.7**	**0.5**	**6.4**	**-2.5**
Perkilangan	76.7	12.5	1.8	7.1	0.1
E&E	*33.4*	*12.5*	*5.5*	*8.1*	*6.9*
Bukan E&E	*43.2*	*12.5*	*-0.9*	*6.4*	*-4.7*
Berasaskan sumber	*23.6*	*9.2*	*-4.5*	*4.9*	*-12.3*
Bukan berasaskan sumber	*19.6*	*16.9*	*3.6*	*8.2*	*4.7*
Komoditi	22.7	5.7	-3.9	4.2	-10.4
Mineral	*13.7*	*8.0*	*-0.5*	*6.8*	*-6.9*
Pertanian	*9.0*	*2.2*	*-8.8*	*0.6*	*-16.0*
Import Kasar	**100.0**	**5.5**	**4.6**	**5.3**	**0.2**
Barangan pengantara	59.8	4.4	12.5	7.6	3.0
Barangan modal	14.1	-6.4	0.1	-2.1	8.5
Barangan penggunaan	7.4	15.6	2.9	5.7	4.4
Eksport semula dan barangan dua kegunaan	18.8	15.7	-12.7	3.8	-15.0
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**–**	**26.3**	**21.5**	**83.1**	**21.3**

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia: Destinasi Eksport

	Bahagian 2014 (%)	2014			2015
		S1	S4	Tahun	S1
		Perubahan tahunan (%)			
Amerika Syarikat	**8.4**	**4.2**	**16.9**	**11.0**	**14.9**
Kesatuan Eropah (EU)	**9.5**	**18.5**	**7.9**	**11.5**	**1.7**
Jepun	**10.8**	**8.5**	**1.9**	**4.4**	**-2.5**
Negara ASEAN terpilih[1]	**27.4**	**2.9**	**5.1**	**5.8**	**-2.3**
Timur Laut Asia	**23.8**	**20.1**	**-8.7**	**3.4**	**-7.1**
Republik Rakyat China	*12.1*	*15.3*	*-15.7*	*-4.8*	*-12.6*
Hong Kong SAR	*4.8*	*35.0*	*-3.9*	*18.5*	*7.2*
Korea	*3.7*	*15.5*	*2.5*	*7.1*	*-8.9*
China Taipei	*3.2*	*28.0*	*4.8*	*14.3*	*-3.8*
West Asia[2]	**3.0**	**-0.7**	**-2.8**	**-5.7**	**-8.0**
India	**4.2**	**9.1**	**16.0**	**23.9**	**12.1**
Jumlah eksport	**100.0**	**10.7**	**0.5**	**6.4**	**-2.5**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
[2] Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Iraq, Qatar, Kuwait, Jordan, Lebanon, Bahrain, Syria, Palestin, Yemen dan Iran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

itu, aktiviti eksport semula kekal lemah dalam keadaan harga komoditi yang lebih rendah pada suku itu. Namun demikian, import barangan modal mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi, disokong oleh peningkatan pelaburan swasta yang berterusan. Pertumbuhan import barangan penggunaan yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh peningkatan import barangan penggunaan utama yang menyeluruh, khususnya makanan dan minuman.

Akaun **perkhidmatan** mencatat defisit lebih kecil sebanyak RM3.8 bilion pada suku pertama (S4 2014: -RM5.5 bilion). Defisit lebih kecil ini disebabkan terutamanya oleh defisit akaun perkhidmatan pembinaan yang lebih rendah, yang mencerminkan pembayaran menggunakan perkhidmatan teknikal asing yang lebih kecil untuk projek infrastruktur yang sedang dilaksanakan. Sementara itu, defisit akaun pengangkutan dan perkhidmatan insurans juga lebih rendah dalam keadaan aktiviti perdagangan yang lebih sederhana. Pada suku itu, lebihan akaun perjalanan kekal pada RM7.2 bilion, berbanding dengan suku sebelumnya.

Defisit **pendapatan primer** mengecil kepada RM8.5 bilion pada suku pertama (S4 2014: -RM13.2 bilion), mencerminkan terutamanya pembayaran bersih yang lebih rendah bagi pendapatan pelaburan. Pada suku itu, pendapatan pelaburan yang terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri adalah lebih tinggi, terutamanya dalam sektor perlombongan, manakala pendapatan daripada sektor perkhidmatan pada amnya mampan. Pendapatan terakru kepada pelabur langsung asing lebih rendah khususnya syarikat dalam sektor perkilangan, serta kewangan dan insurans. Sementara itu, pembayaran bersih dalam akaun pendapatan sekunder meningkat (-RM5.3 bilion; S4 2014: -RM5.0 bilion) disebabkan terutamanya oleh pengiriman wang ke luar negeri yang lebih tinggi.

Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih lebih tinggi sebanyak RM29.7 bilion pada suku pertama (S4 2014: -RM26.6 bilion), disebabkan terutamanya oleh aliran keluar pelaburan lain yang lebih besar.


Pelaburan langsung mencatat aliran keluar bersih lebih rendah sebanyak RM1.2 bilion (S4 2014: -RM2.5 bilion). **Pelaburan langsung keluar** mencatat aliran keluar yang berterusan sebanyak RM9.8 bilion (S4 2014: -RM9.9 bilion). Daripada jumlah ini, **pelaburan langsung luar negeri** (direct investment abroad, DIA) mencatat aliran keluar sebanyak RM11.1 bilion (S4 2014:-RM12.2 bilion), disokong terutamanya oleh pelaburan syarikat Malaysia di luar negeri yang berterusan dalam industri minyak dan gas, selain pemerolehan aset perladangan yang besar dalam sektor pertanian. Pelaburan dalam sektor perkhidmatan di luar negeri, khususnya subsektor kewangan dan insurans,

Penentuan Harga Eksport LNG Malaysia

Harga minyak (Brent) menurun dengan ketara daripada paras tertinggi USD115 setong pada pertengahan bulan Jun 2014 kepada serendah USD57 setong pada Mac 2015. Kejatuhan mendadak harga minyak mentah seperti ini memberikan kesan negatif terhadap harga komoditi lain, termasuk gas asli cecair (liquefied natural gas, LNG), yang mencakupi 8.4% daripada jumlah eksport Malaysia pada tahun 2014. Pada masa lalu, harga eksport LNG Malaysia secara amnya menjejaki harga minyak dengan sela masa tiga hingga lima bulan. Namun begitu, data terkini menunjukkan penurunan harga LNG Malaysia hanya 5.5%, berbanding dengan kejatuhan harga minyak sebanyak 49% sejak bulan Jun 2014. Rencana ringkas ini memberikan sedikit huraian mengenai trend ini.

Sejak dahulu, harga eksport LNG Malaysia dikaitkan dengan harga minyak, walaupun mempunyai sela masa (Rajah 1). Harga eksport LNG Malaysia lazimnya ditentukan menggunakan Japanese Crude Cocktail (JCC)[1] sebagai penanda aras. JCC merupakan proksi yang berguna bagi penentuan harga LNG Malaysia memandangkan pergerakan harganya sejajar dengan penanda aras minyak mentah global lain, contohnya minyak mentah Brent. Terma-terma kontrak dikaji semula secara berkala setiap tiga hingga lima tahun, berdasarkan mekanisme harga berasaskan formula (formula-based pricing mechanism[2]), sejajar dengan trend harga dalam pasaran LNG.

Rajah 1:
Sejak dahulu, harga eksport LNG Malaysia ditentukan menggunakan harga JCC sebagai penanda aras



Sumber: Anggaran staf


Memandangkan harga LNG diindeks kepada harga minyak, harga LNG dijangka menurun sejajar dengan penurunan harga minyak. Walau bagaimanapun, terdapat faktor-faktor yang boleh menghalang harga kontrak LNG Malaysia daripada mengalami penurunan dengan magnitud yang sama:

i) Kestabilan harga kontrak LNG Malaysia berbanding dengan harga dalam pasaran semerta (spot market) yang turun naik (Rajah 2).

[1] JCC ialah harga purata 20 jenis import minyak mentah Jepun yang berbeza.
[2] Mekanisme penentuan harga ini adalah lebih terpakai kepada kargo LNG yang dijual secara kontrak. Lazimnya, harga ditentukan hasil daripada rundingan langsung dan sulit antara pembeli dengan penjual, dengan menggunakan harga minyak sebagai penanda aras. Harga bagi kontrak-kontrak LNG Asia (termasuk Malaysia) boleh dianggarkan dengan menggunakan formula linear: harga LNG = Cerun* Harga minyak + Pemalar (Sumber: ANZ Research)


ii) Permintaan yang tinggi dari Jepun selepas tahun 2011, yang menyebabkan kesan pindahan yang lebih lemah antara harga minyak dengan harga LNG (Rajah 3). Sebelum kejadian Fukushima, terdapat sela masa tiga bulan yang konsisten antara harga minyak dengan harga LNG (Korelasi 3 bulan bergerak adalah tinggi pada 0.87). Susulan kejadian Fukushima, sela masa penentuan harga mula berbeza-berbeza dengan sela masa pemboleh ubah iaitu antara tiga hingga lima bulan. Sejak kebelakangan ini, korelasi antara harga LNG dengan harga minyak mentah Brent telah merosot kepada hanya 0.4 hingga 0.6 (menggunakan korelasi bergerak tiga hingga lima bulan)

Rajah 2:
Harga eksport LNG Malaysia lebih stabil berbanding dengan LNG Semerta Asia



Sumber: MATRADE dan Platts

Rajah 3:
Harga LNG Malaysia kekal tinggi sejak 2011



Sumber: MATRADE dan Bloomberg

Insiden Fukushima telah menyebabkan kesemua 48 loji nuklear di Jepun ditutup, lantas menyebabkan peningkatan mendadak dalam import LNG Jepun untuk memenuhi keperluan bekalan elektrik negara itu. Malaysia merupakan salah satu pengeksport utama LNG ke Jepun, memandangkan Malaysia merupakan pengeksport LNG yang paling hampir dengan negara itu.

Ketidakpastian yang berlanjutan mengenai pembukaan semula loji nuklear di Jepun dijangka memberikan sokongan pada harga LNG Malaysia. Bagi tempoh jangka panjang, pengaturan masa dan kebolehlaksanaan pembukaan semula loji nuklear bergantung pada kemampuan kerajaan Jepun untuk mengatasi halangan kawal selia dan sentimen negatif orang ramai terhadap penggunaan tenaga nuklear.

Sehubungan itu, untuk tempoh terdekat, harga LNG Malaysia dijangka disokong oleh permintaan yang berterusan dari Jepun. Dari bulan Jun 2014 hingga bulan Mac 2015, meskipun harga minyak mentah Brent merosot[3] sebanyak 49%, harga LNG Malaysia hanya menurun sebanyak 5.5% untuk tempoh yang sama[4].

[3] Harga minyak mentah Brent berpurata pada USD112 setong pada bulan Jun 2014, dan merosot kepada USD57 setong pada bulan Mac 2015.
[4] Harga eksport LNG Malaysia berpurata pada RM2,448 setan metrik pada bulan Jun 2014, dan menurun kepada RM2,314 setan metrik pada bulan Mac 2015.

Kesimpulan

Meskipun harga LNG dengan harga minyak mentah mempunyai hubungan rapat sejak dahulu, hubungan ini menjadi lemah selepas bencana Fukushima, disebabkan oleh permintaan yang tinggi dari Jepun. Oleh itu, penurunan harga LNG menjadi kurang teruk daripada yang dijangka. Di samping itu, ciri-ciri kontrak eksport LNG Malaysia memastikan kestabilan harga berbanding dengan harga semerta LNG yang lebih tidak menentu.

serta pengangkutan dan penyimpanan, juga kekal besar.

Pelaburan langsung masuk mencatat aliran masuk lebih tinggi sebanyak RM8.6 bilion (S4 2014: +RM7.5 bilion). Daripada jumlah ini, **pelaburan langsung asing** (foreign direct investment, FDI) mencatat aliran masuk sebanyak RM9.9 bilion (S4 2014: + RM9.8 bilion), disebabkan oleh pelaburan lebih tinggi dalam industri minyak dan gas dan pelaburan semula yang berterusan dalam sektor perkilangan, serta subsektor kewangan dan insurans, dan perkhidmatan harta tanah.

Pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih lebih kecil sebanyak RM7.9 bilion (S4 2014: -RM20.3 bilion). Pada suku itu, terdapat pelupusan pemegangan sekuriti ekuiti dan Nota Kewangan Bank Negara yang telah matang yang berterusan oleh pelabur bukan pemastautin. Walau bagaimanapun, jumlah aliran keluar ini sebahagian besarnya dikurangkan oleh aliran masuk berikutan pembelian sekuriti hutang luar pesisir yang diterbitkan oleh sebuah perusahaan awam dalam sektor minyak dan gas, dan Sekuriti Kerajaan Malaysia oleh pelabur bukan pemastautin. Pelaburan portfolio oleh pemastautin bertukar arah untuk mencatat aliran keluar apabila pelabur institusi domestik memperoleh semula sekuriti hutang dan sekuriti ekuiti asing.

Pelaburan lain mencatat aliran keluar yang nyata lebih besar sebanyak RM20.6 bilion (S4 2014: -RM4.0 bilion). Ini disebabkan terutamanya oleh aliran keluar bersih yang besar oleh sektor perbankan manakala sektor bukan bank mencatat aliran keluar bersih yang lebih kecil. Aliran keluar yang besar dalam sektor perbankan terutamanya mencerminkan penempatan deposit antara bank yang lebih tinggi oleh bank-bank Malaysia di dalam institusi kewangan luar negeri, yang merupakan sebahagian daripada operasi perbendaharaan berpusat mereka. Pada suku itu, bank-bank Malaysia juga membayar balik pinjaman antara bank yang telah matang. Sementara itu, pembayaran balik kredit perdagangan kepada pengeksport Malaysia menyebabkan aliran keluar yang lebih kecil dalam sektor bukan bank.

Berikutan perkembangan ini, imbangan pembayaran keseluruhan mencatat defisit sebanyak RM15.7 bilion pada suku pertama (S4 2014: -RM11.5 bilion). Kesilapan dan Ketinggalan (E & O) berjumlah +RM4.0 bilion, sebahagiannya mencerminkan perubahan rizab antarabangsa yang disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing.

Hutang luar negeri terurus

Hutang luar negeri[4] Malaysia berjumlah RM768.1 bilion, bersamaan dengan USD205.1 bilion atau 65.9% daripada KDNK pada akhir bulan Mac 2015 (akhir bulan Disember 2014: RM747.5 bilion atau USD211.8 bilion, bersamaan dengan 67.5% daripada KDNK). Dari segi profil hutang luar negeri, lebih separuh daripada hutang ini adalah dalam bentuk kematangan jangka sederhana hingga jangka panjang (54.9%). Dari segi mata wang, kira-kira 40% daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit, terutamanya dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang dan deposit dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin. Pada suku ini, peningkatan hutang luar negeri disebabkan terutamanya oleh kesan penilaian berikutan penyusutan nilai ringgit.

Peminjaman luar pesisir meningkat 7.6% kepada RM399.3 bilion pada akhir bulan Mac 2015 (akhir bulan Disember 2014: RM371.1 bilion). Ini mencerminkan kesan penilaian berikutan pengukuhan kebanyakan mata wang serantau dan utama berbanding dengan ringgit pada suku ini. Dari segi USD, peminjaman luar pesisir hanya meningkat sedikit iaitu sebanyak USD1.5 bilion atau 1.4% kepada USD106.6

[4] Ini merujuk kepada hutang luar negeri yang didefinisikan semula, yang berkuat kuasa pada suku pertama 2014. Selain peminjaman luar pesisir yang dimasukkan dalam definisi sebelum ini, hutang luar negeri yang didefinisikan semula juga meliputi pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin dengan sistem perbankan serta liabiliti hutang lain bukan pemastautin. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana bertajuk 'Definisi Semula Hutang Luar Negeri' dalam Buletin Suku Tahunan mengenai Perkembangan Ekonomi dan Kewangan dalam Ekonomi Malaysia pada Suku Pertama 2014.

bilion (akhir bulan Disember 2014: USD105.2 bilion). Tidak termasuk perubahan penilaian semula pertukaran asing, peminjaman luar pesisir meningkat pada kadar lebih sederhana sebanyak 2.6%, sebahagian besarnya mencerminkan ambilan bersih peminjaman luar pesisir oleh perusahaan awam, iaitu terbitan bon dan nota serta sukuk oleh sebuah syarikat dalam sektor minyak dan gas. Ambilan bersih ini diimbangi sebahagiannya oleh pembayaran balik bersih peminjaman luar pesisir oleh sektor bank dan sektor bukan bank swasta, serta Kerajaan Persekutuan. Pada amnya, peminjaman luar pesisir digunakan terutamanya untuk membiayai peningkatan kapasiti produktif dan pengurusan sumber kewangan yang lebih baik dalam kumpulan syarikat. Peminjaman ini sebahagian besarnya dilindung nilai, sama ada secara lazim melalui pendapatan mata wang asing, atau melalui penggunaan instrumen kewangan.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2014		2015
	akhir Mac	akhir Dis	akhir Mac
	RM bilion		
Pinjaman luar pesisir[1]	328.2	371.1	399.3
Bersamaan USD bilion	*99.6*	*105.2*	*106.6*
Jangka sederhana dan panjang	*199.5*	*211.4*	*242.3*
Sektor awam	97.9	93.1	117.3
Sektor swasta	101.6	118.3	*125.0*
Jangka pendek	*128.7*	*159.7*	*157.0*
Pemegangan bukan pemastautin sekuriti hutang domestik	231.4	223.3	210.5
Jangka sederhana dan panjang	*156.3*	*162.4*	*168.6*
Jangka pendek	*75.1*	*60.9*	*41.9*
Deposit bukan pemastautin	77.6	87.7	91.3
Lain-lain[2]	65.4	65.5	67.0
Jangka sederhana dan panjang	*10.7*	*10.5*	*10.9*
Jangka pendek	*54.7*	*55.0*	*56.1*
Jumlah hutang luar negeri	**702.6**	**747.5**	**768.1**
Bersamaan USD bilion	*213.3*	*211.8*	*205.1*
Hutang luar negeri (Definisi terdahulu)			
Jumlah hutang/KDNK (%)	29.7	33.5	34.3
Hutang jangka pendek[3]/ Jumlah hutang (%)	39.2	43.0	39.3
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[3] (kali)	3.3	2.5	2.5[5]
Hutang luar negeri (Definisi semula)			
Jumlah hutang/KDNK (%)	63.5	67.5	65.9
Hutang jangka pendek[4]/ Jumlah hutang (%)	47.8	48.6	45.1
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[4] (kali)	1.3	1.1	1.1[5]

[1] Bersamaan dengan hutang luar negeri definisi terdahulu, terkandung terutamanya hutang mata wang asing diperoleh, dan nota and bon terbitan luar pesisir.
[2] Terkandung kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF, dan lain-lain.
[3] Bersamaan dengan pinjaman luar pesisir jangka pendek.
[4] Pinjaman luar pesisir jangka pendek, pegangan bukan pemastautin sekuriti hutang domestik jangka pendek, deposit bukan pemastautin dan hutang jangka pendek lain.
[5] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 30 April 2015.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Deposit bukan pemastautin meningkat 4.2% kepada RM91.3 billon, bersamaan dengan USD24.4 bilion pada akhir bulan Mac 2015 (akhir bulan Disember 2014: RM87.7 bilion bersamaan dengan USD24.8 bilion), disebabkan terutamanya oleh kesan penilaian deposit dalam denominasi mata wang asing. Tidak termasuk kesan penilaian, deposit bukan pemastautin meningkat 1.8%. Pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, bagaimanapun, menurun kepada RM210.5 bilion (akhir bulan Disember 2014: RM223.3 bilion). Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pelupusan Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes, BNMN) oleh bukan pemastautin. BNMN ialah instrumen yang digunakan oleh Bank Negara Malaysia dalam operasi dasar monetarinya untuk menyerap mudah tunai lebihan daripada sistem perbankan. Ini sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan pemegangan Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bil Perbendaharaan oleh bukan pemastautin.


Bahagian hutang luar negeri jangka pendek menurun kepada 45.1% daripada jumlah hutang luar negeri (akhir bulan Disember 2014: 48.6%) disebabkan terutamanya oleh pemegangan BNMN yang lebih rendah oleh bukan pemastautin. Hutang luar negeri jangka pendek kekal terurus dengan perlindungan rizab sebanyak 1.1 kali. Kira-kira dua pertiga daripada hutang luar negeri jangka pendek dipegang oleh sektor perbankan dan sebahagian besarnya mencerminkan pengurusan mudah tunai mata wang asing berpusat dengan subsidiari dan cawangan luar pesisir.

Rizab antarabangsa kekal lebih daripada mencukupi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM389.7 bilion (bersamaan dengan USD105.1 bilion) pada 31 Mac 2015. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing.

Pada 30 April 2015, kedudukan rizab adalah sebanyak RM392.4 bilion (bersamaan dengan USD105.8 bilion), memadai untuk membiayai 8.0 bulan import tertangguh dan ialah 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)




Sumber: Bank Negara Malaysia

Defisit Kerajaan lebih rendah berikutan penurunan dalam pertumbuhan perbelanjaan mengurus

Kerajaan Persekutuan mencatat defisit fiskal sebanyak -4.2% daripada KDNK pada suku pertama 2015 (S4 2014: -5.7% daripada KDNK). Ini disebabkan oleh pertumbuhan perbelanjaan Kerajaan yang lebih rendah kepada 1.8%, sebahagian besarnya disebabkan oleh pengurangan dalam perbelanjaan subsidi. Berikutan itu, perbelanjaan mengurus hanya meningkat 0.4% (S4 2014: 1.6%). Perbelanjaan pembangunan meningkat 13.2% dan disalurkan terutamanya kepada pendidikan dan kemudahan awam. Hasil Kerajaan meningkat pada kadar yang mampan sebanyak 4.8% (S4 2014: -2.3%). Pada akhir bulan Mac 2015, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM596.8 bilion atau 51.2% daripada anggaran KDNK 2015.

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2014			2015
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Hasil	49.2	59.6	220.6	51.5
% pertumbuhan tahunan	*12.4*	*-2.3*	*3.4*	*4.8*
Perbelanjaan mengurus	55.2	59.7	219.6	55.4
% pertumbuhan tahunan	*10.6*	*1.6*	*3.9*	*0.4*
Akaun semasa	**-6.0**	**-0.1**	**1.0**	**-3.9**
% daripada KDNK	***-2.3***	***0.0***	***0.1***	***-1.4***
Perbelanjaan pembangunan bersih	7.0	16.4	38.4	7.9
% pertumbuhan tahunan	*-20.9*	*2.1*	*-5.5*	*13.2*
Imbangan keseluruhan	**-13.0**	**-16.5**	**-37.4**	**-11.8**
% daripada KDNK	***-4.9***	***-5.7***	***-3.4***	***-4.2***
Memo:				
Jumlah perbelanjaan bersih	62.2	76.1	258.0	63.3
% pertumbuhan tahunan	*5.9*	*1.7*	*2.4*	*1.8*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	560.6	582.8	582.8	596.8
% daripada KDNK	*50.7*	*52.7*	*52.7*	*51.2*
Hutang dalam negeri	398.4	414.7	414.7	418.9
% daripada KDNK	*36.0*	*37.5*	*37.5*	*35.9*
Hutang luar negeri	162.1	168.2	168.2	177.9
% daripada KDNK	*14.7*	*15.2*	*15.2*	*15.3*
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	*145.7*	*151.4*	*151.4*	*160.2*
% daripada KDNK	*13.2*	*13.7*	*13.7*	*13.7*
Peminjaman luar pesisir	*16.5*	*16.8*	*16.8*	*17.6*
% daripada KDNK	*1.5*	*1.5*	*1.5*	*1.5*

[a] Awalan

Nota: Mulai suku pertama tahun 2015, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah disemak daripada harga tahun asas 2005 kepada harga tahun asas 2010

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia